

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama
Sidang Akademik 1992/93

Oktober/November 1992

PLG 417 : Kaedah Mengajar Sejarah II

Masa : [2 jam]

Jawab TIGA soalan kesemuanya, iaitu soalan 1 dan DUA soalan lain.

1. Untuk dapat berfungsi sebagai seorang profesional dalam bidangnya, seorang pendidik sejarah perlu melengkapkan dirinya dengan tiga perkara:

- [i] pengetahuan
- [ii] pedagogi, dan
- [iii] sikap

Ulaskan pernyataan di atas dalam hubungkaitannya dengan pendidikan sejarah di bawah KBSM.

(40 markah)

2. Kerap kali kita mendengar rungutan murid-murid di sekolah menengah bahawa mata pelajaran sejarah adalah membosankan. Apakah punca fenomena ini? Sarankan bagaimana anda sebagai pendidik sejarah dapat membantu mengikis pandangan negatif ini.

(30 markah)

3. Dengan memberi contoh-contoh yang jelas huraikan apakah objektif-objektif yang hendak dicapai menerusi Kajian Sejarah Tempatan KBSM?

(30 markah)

4. Dengan merujuk kepada contoh-contoh daripada sekurang-kurangnya DUA buah filem/video cereka sejarah, bincangkan kemampuan media ini sebagai alat bantuan mengajar yang dapat membantu proses penerapan nilai-nilai murni dan sikap positif.

(30 markah)

- oooOooo -